



## BKSS UMP agih bubur lambuk kepada 700 staf

KUANTAN 22 Sept. - Ramadan tahun ini lebih bermakna kepada warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) apabila buat julung kalinya Badan Kebajikan dan Sukan Staf (BKSS) universiti tersebut mengedarkan bubur lambuk dan kurma kepada lebih 700 kakitangan institusi itu kelmarin.

Pengerusi BKSS, Mustafa Ibrahim berkata, selain memeriahkan sambutan Ramadan, program itu juga bertujuan mengeratkan hubungan sesama kakitangan.

"Kebanyakan warga UMP bekerja hingga pukul 5.30 petang, jadi dengan pengedaran bubur lambuk dan kurma ini, mereka tak perlu berkejar-kejar untuk ke bazar Ramadan," katanya menerusi kenyataan akhbar di sini hari ini.

Program memasak bubur lambuk tersebut bermula seawal pukul 9 pagi dan berakhir kira-kira pukul 3 petang, diikuti dengan kerja-kerja pemungkusan.

Ita dijayakan secara bergotong-ro-

yong oleh ahli jawatankuasa BKSS di pekarangan Blok Pentadbiran universiti tersebut.

Hadir sama bagi menyempurnakan upacara pengagihan juadah berkenaan ialah Naib Canselor UMP, Datuk Dr. Daing Mohd. Nasir Ibrahim.

Mustafa berkata, pihaknya berharap program tersebut dapat diadakan pada tahun-tahun berikutnya kerana ia dapat memupuk semangat kerjasama di kalangan warga UMP terutama pada bulan Ramadan.